

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 FEBRUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 20

Pertumbuhan ekonomi negara 2022 dijangka lebih 8 peratus

Bisnes

Selasa,
7 Februari 2023
bbbiz@nsp.com.my

Ikuti lebih berita di www.bharlap.com

Pertumbuhan ekonomi negara 2022 dijangka lebih 8 peratus

Prestasi atasi unjuran dipacu perkembangan KDNK, pembukaan pelbagai sektor

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Pertumbuhan ekonomi setahun penuh 2022 dijangka melebihi 8.0 peratus bersandarkan kepada perkembangan Keluaran Dalam Negera Kasar (KDNK) setiap suku tahun dan kesan terhadap pembukaan sejumlah ekonomi selaras dengan fasa peralihan ke endemik COVID-19.

Pensyairan di Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Anuar Shah Bali Mahomed, berkata berdasarkan kepada KDNK setiap suku tahun 2022 iaitu suku pertama adalah 5.4 peratus, suku kedua (8.9 peratus) dan suku ketiga (14.2 peratus), ekonomi setahun penuh berpotensi mengatasi unjuran rasmii 6.5 hingga 7.0 peratus, berkecimpungkan melebihi 8.0 peratus.

Bagaimanapun, beliau berkata prestasi ekonomi Malaysia pada tiga bulan terakhir tahun lalu berkecimpungkan kurang daripada suku sebelumnya.

Dalam masa sama, katanya kadar pengangguran konsisten dalam jut 3.6 peratus pada Oktober dan

November 2022, semestara bilangan pengangguran turun menunjukkan penurunan kepada 600,900 orang pada November, manakala gaji yang diperoleh adalah setimpal dengan kos sara hidup yang meningkat secara signifikan turut menyokong pertumbuhan ekonomi lebih baik.

"Namun, angka ini tidak semestinya diterjemahkan dalam konteks kesan positif kepada rakyat secara menyeluruh disebabkan oleh kesan signifikan inflasi dan kenaikan harga barang yang naik secara mendadak tahun lalu yang membekalkan rakyat walaupun ekonomi negara berkecimpungkan berkembang melebihi 8.0 peratus bagi 2022," katanya kepada BH.

Bank Negara Malaysia (BNM) mengurangkan ekonomi Malaysia berkembang pada kadar 6.5 hingga 7 peratus tahun ini.

Bank Dunia pula menyenam semula unjuran pertumbuhan ekonomi tahun ke tahan bagi Malaysia kepada 6.4 peratus daripada 5.5 peratus pada September 2022.

Pada Julai 2022, Tabung Kewa-

ngan Antarabangsa (IMF) menyemak semula unjuran pertumbuhan ekonomi tahun ke tahan bagi Malaysia kepada 5.1 peratus pada 2022.

BNM dijangka mengumunkan prestasi ekonomi suku keempat dan setahun penuh 2022 Jumat ini.

Prestasi memberangsangkan

Sementara itu, Pensyairan Ekonomi Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin senada dengan Anuar Shah Bali dengan menjangkakan KDNK dianggarkan akan berada pada tahap melebihi 8.0 peratus.

Katanya, jangkaan itu berdasarkan prestasi ekonomi yang memberangsangkan pada sembilan bulan 2022 yang sudah pun berkembang secara purata melebihi 9.0 peratus.

"Jika dilihat prestasi pertumbuhan ekonomi Malaysia pada suku ketiga 2022 sahaja, ekonomi Malaysia berkembang pada kadar 14.2 peratus, iaitu antara yang terbaik di rantau ini."

"Jadi, momentum ini dijangka berterusan pada suku keempat den-

gan jangkaan berkembang pada kadar sekitar 6.0 peratus, sekali gus meletakkan asas yang baik kepada ekonomi Malaysia untuk bersedera berhadapan dengan persekitaran ekonomi yang lebih mencabar tahun ini.

"Selain daripada faktor kesan asas rendah, pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2022 dilihat dipacu oleh penggunaan swasta, pelabur sektor awam dan juga sektor luaran," katanya.

Berhubung prestasi ekonomi tahun ini, Irwan Shah berkata, keadaan ekonomi dijangka lebih mencabar berbanding tahun lalu, walaupun dari segi teknikalnya ekonomi Malaysia dijangka tidak akan mengalami kemelesetan.

"Pada tahun ini, ekonomi Malaysia dijangka bertumbuh pada kadar yang sihat, sekitar 4.0 hingga 5.0 peratus. Namun begitu, kadar unjuran ini dijangka berubah jika ada perubahan dalam situasi ekonomi global," katanya.

Profesor Adjung Tun Abdul Razak School of Government (TARSOG) Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK), Dr Zulkiply Omar, bersetuju dengan pandangan yang ekonomi akan tumbuh pada kadar yang lebih perlahan tahun ini, terutama disebabkan oleh persekitaran ekonomi dunia yang masih tidak menentu.

Katanya, persekitaran ekonomi dunia memberi kesan negatif terhadap eksport, terutamanya apabila kebanyakan negara maju masih mengekalkan dasar kewangan mengutip untuk menangani inflasi.

"Lantaran itu, aktiviti domestik menjadi pemacu utama pertumbuhan KDNK Malaysia, terutamanya perbelanjaan swasta.

"Dari sudut penawaran, sektor perkhidmatan memainkan peranan penting memacu pertumbuhan, terutamanya sektor pelancongan. Ini sudah tentu disokong oleh pemuliharan COVID-19 yang lebih jelas. Dalam pada itu nilai ringgit yang masih lemah turut menjadi penggalak. Kelembahan ringgit turut memberi sokongan terhadap eksport barang," katanya.

Jika dilihat prestasi pertumbuhan ekonomi Malaysia pada suku ketiga 2022 sahaja, ekonomi Malaysia berkembang pada kadar 14.2 peratus, iaitu antara yang terbaik di rantau ini

Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin,
Pensyairan Ekonomi UUM

Dari sudut penawaran, sektor perkhidmatan memainkan peranan penting memacu pertumbuhan, terutamanya sektor pelancongan

Dr Zulkiply Omar,
Profesor Adjung Tun Abdul Razak
School of Government (TARSOG)